

07 FEB 2004

Felda-Pengawal

PASUKAN PENGAWAL KESELAMATAN FELDA BAGI BASMI AKTIVITI DADAH

JITRA, 7 Feb (Bernama) -- Semua tanah rancangan Felda di seluruh negara mungkin mempunyai pengawal keselamatan khas bagi memastikan kawasan masing-masing bebas daripada penagihan dadah dan aktiviti sosial yang tidak sihat.

Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) Tan Sri Rozali Ismail berkata pasukan keselamatan itu yang dinamakan "Pengawal Rancangan" mirip kepada konsep Rukun Tetangga perlu diwujudkan di kampung-kampung dan kawasan bandar.

Selain anggota GWGF sendiri, pasukan itu akan terdiri daripada Pasukan Gerak Am, Tentera Wataniah dan badan bukan kerajaan.

Setiap Felda disaran mewujudkan pengawal rancangan dan akan bertugas mengikut giliran dan dibekalkan pakaian seragam, katanya kepada pemberita selepas pelancaran Persatuan Peneroka SeMalaysia (Kedah/Perlis) di Felda Batu Lapan dekat sini, hari ini.

Menurut Rozali walaupun kes penagihan dadah di kawasan Felda masih dalam keadaan terkawal namun pihaknya bimbang akan menjadi lebih serius jika tiada pendekatan pencegahan yang diambil.

Beliau percaya aktiviti penagihan dadah di kawasan Felda berpunca daripada dorongan pengaruh orang luar yang berkunjung ke kawasan mereka.

Justeru itu, katanya, pengawal rancangan itu nanti akan dapat membantu menyekat sebarang aktiviti tidak sihat kerana mereka boleh mengesan pergerakan masyarakat tempatan dan orang luar yang mencurigakan.

Sementara itu, Rozali percaya kerajaan tidak akan meneruskan rancangan untuk menyenaraikan Felda Holdings di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sekiranya kajian mendapati ia tidak mengambil kira kepentingan peneroka.

Beliau sendiri merasakan bahawa penyenaiaan itu tidak akan berbaloi jika ia bakal menyusahkan dan merugikan peneroka Felda sendiri.

Rancangan untuk penyenaiaan itu telah diumumkan oleh bekas Perdana

Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Bajet 2004
September
lepas.

Bagaimanapun kerajaan kemudian memutuskan untuk mengkaji semula
cadangan tersebut dengan lebih mendalam bagi memastikan kepentingan
peneroka Felda terpelihara.

-- BERNAMA

MNH BK